

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2000/2001

April/Mei 2001

**HMT 322/4 – Aspek-aspek Teori Linguistik Am Dan  
Penerapannya**

Masa : 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA [5]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan. Pilih dan jawab mana-mana **EMPAT [4]** soalan.

1. Dengan menggunakan contoh-contoh yang bersesuaian daripada bahasa Austronesia atau bahasa Indo-Eropah jelaskan maksud mengungkap perkaitan antara bahasa, membuat rekonstruksi, mengelompokkan bahasa dan menentukan tanah asal dan arah pergerakan penutur dalam linguistik historis komparatif.

[25 markah]

2. Apakah perbezaan kaedah kuantitatif dengan kaedah kualitatif dalam aktiviti pengelompokan bahasa?

[25 markah]

3. Jawab soalan 3a, b, c, dan d yang berikut:

- [a] Dengan merujuk kepada carta 1 di bawah dan menggunakan akhiran jamak *-er* selepas vokal-vokal depan dan *-lar* selepas vokal-vokal

yang lain-lain; akhiran genitif *-in*, *-un*, atau *-un*; isikan ruang-ruang yang tersedia di bawah dengan Kata Akar + Kata Jamak dan Kata Akar + Kata Genetif yang sesuai. Pemilihan harus mencerminkan vokal-vokal tersebut sebagai dua sistem dan cara bagaimana pilihan fonemik-fonemik dikekang oleh operasi keselarasan.

Kata akar	Makna	Kata Akar + Kata Jamak	Kata Akar + Kata Genetif
kedi	kucing		
ev	rumah		
kiz	anak perempuan		
adam	lelaki		
gün	hari		
ulus	bangsa		

### CARTA 1. VOKAL-VOKAL BAHASA TURKI

#### A. SISTEM PENUH (dalam suku kata awal kata akar)

Depan		Tengah / Belakang	
Tak Bundar	Bundar	Tak Bundar	Bundar
Tinggi	i                      ü	i	u
Rendah	e                      ö	a	o

#### B. SUBSISTEM (dalam suku kata bukan awal termasuk akhiran-akhiran)

Tinggi	I
Rendah	A

I hadir sebagai /i/, /y/, /ɨ/ atau /u/ berdasarkan kepada keselarasan.

A hadir sebagai /e/ atau /a/ berdasarkan kepada keselarasan.

- [b] Dengan merujuk kepada carta 1 dan menggunakan vokal penggalan segmental /V/ bagi vokal tinggi (tidak ditetapkan untuk pendepanan atau pembundaran), /A/ bagi vokal rendah atau bukan tinggi (bukan depan), superscript /y/ bagi pendepanan dan superscript /w/ bagi pembundaran; transkripsikan perkataan – perkataan dalam bahasa Turki yang berikut berdasarkan teori prosodi fonologi Firth:
- [i] gülüm
  - [ii] ulusum
  - [iii] kolun
  - [iv] gözün
- [c] Prosodi-prosodi menurut gaya Firthian tidak terbatas kepada komponen-komponen terperinci tetapi juga merangkumi fenomena pembatas pelbagai jenis, seperti ‘R jengul’ /r/ dalam bahasa Inggeris atau hentian glotis [/] dalam bahasa Jerman. Berdasarkan kepada fenomena pembatas pelbagai jenis Firth, di manakah harus anda memasukkan lambang ‘R jengul’ /r/ dalam perkataan-perkataan bahasa Inggeris yang berikut:
- [i] drawing
  - [ii] banana oil
- dan lambang hentian glotis [/] dalam perkataan bahasa Jerman yang berikut:
- [iii] Beamte (rasmi)
- [d] Nyatakan juga sebab-sebab kenapa anda berbuat demikian.

[25 markah]

4. Jawab soalan 4a, b, c, d dan e yang berikut.

- [a] Susunkan unit tatabahasa dan fonologi bahasa Inggeris yang berikut menurut skala pengikut saiz atau bentuk tatatingkat :

- [i] frasa, ayat, morfem, kata, klausa
  - [ii] sukukata, kumpulan tonal, fonem, "feet"
- [b] Bagaimanakah harus anda menganalisis struktur ayat-ayat yang berikut menurut skala tatatingkat:
- [i] Mereka menikmati durian.
  - [ii] Ya.
- [c] Nyatakan struktur asas frasa yang berikut dan bezakan kehalusan kelas elemen-elemen di dalam kedua-dua frasa tersebut:
- [i] the two able craftsmen
  - [ii] these two ablest craftsmen
- [d] Masukkan lambang [ ] = frasa terpindah tingkat atau / dan [[ ]] = klausa terpindah tingkat ke dalam ayat dan frasa yang berikut serta huraikan istilah "perpindahan tingkat" dengan menggunakan ayat dan frasa tersebut sebagai contoh:
- [i] di bawah pohon rambutan di kebun kita
  - [ii] Saya mengizinkannya memasuki rumah saya, lelaki yang saya izinkan memasuki rumah saya sebenarnya seorang bekas banduan.
- [e] Bagaimanakah harus anda menganalisis penggolongan yang berikut menurut skala tatatingkat, skala kehalusan dan skala realisasi: kata kerja transitif, kata kerja, predikat?

[25 markah]

5. Terangkan pengertian pasangan-pasangan yang berikut dalam linguistik bahasa Melayu.
- [a] *la langue* dan *la parole*.
  - [b] Analisis sinkronik dan analisis diakronik.
  - [c] Variasi bebas dan pasangan terkecil.
  - [d] Morfem bebas dan morfem terikat.
  - [e] Struktur-D dan struktur-L.

[25 markah]

6. Jawab soalan 6a, b, c dan d yang berikut:
- [a] Apakah langkah-langkah utama dalam membuat analisis fonologi struktur bahasa Melayu?
  - [b] Terangkan proses morfologi (pembinaan kata) dalam bahasa Melayu.
  - [c] Beri representasi dalaman dan luaran bagi ayat berikut.  
*Ikan itu sudah dimakan kucing.*
  - [d] Beri penglahiran kata menari dan mengecat dalam fonologi generatif.

[25 markah]

7. Berikan derivasi ayat-ayat berikut mengikut kaedah X' (X berpalang).
- [a] Pinggan mangkuk itu belum berbasuh.
  - [b] Pintu itu sudah terbuka.
  - [c] Ayam itu kena pagut ular.
  - [d] Buku itu pernah kubaca.
  - [e] Ikan tongkol disukai kucing.

[25 markah]